

# Erdec bantu tingkat pencapaian keusahawanan UMS

UB 30.5.2014 A8

Oleh SITI AISYAH  
NARUDIN

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) raih pencapaian membanggakan dalam bidang keusahawanan menerusi penubuhan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (Erdec).

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, penubuhan Erdec adalah seiring dengan Pelan Keusahawanan Strategik Institut Pengajian Tinggi (IPT) (2013-2015).

Menerusi pelan berkenaan katanya, UMS mewujudkan Erdec yang berperanan untuk merancang, memantau dan menilai pembangunan keusahawanan serta program pendidikan keusahawanan universiti.

"Sejak Erdec ditubuhkan setahun lalu, beberapa aktiviti penting berjaya dilaksanakan termasuklah Persidangan Antarabangsa Keusahawanan (ICE) dan Pameran 'Windows To The World'.

"Selain itu, Erdec juga mampu mendapatkan dana sebanyak RM280,000 yang diperuntukkan bagi melaksanakan Program Inkubator UMS daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

"Dana berkenaan untuk membantu mencapai matlamat Projek Ajennda Kritikal (CAP) Keusahawanan IPT dalam meningkatkan kebolehpasaran siswazah dan lulusan IPT," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika berucap merasmikan Karnival Keusahawanan Erdec 2014 di sini kelmarin.

Menurutnya, usaha yang dilaksanakan itu juga bertujuan memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan siswazah sekali gus menukar mentaliti mereka ke arah bekerja sendiri daripada bekerja dengan orang lain.

Sehubungan itu jelasnya, aktiviti-aktiviti keusahawanan yang dianjurkan Erdec secara tidak langsung menarik minat dan melatih mahasiswa sebelum mereka terlibat untuk menjalankan perniagaan sendiri selepas tamat pengajian.

Harun berkata, Erdec turut aktif menjalankan penyelidikan keusahawanan dan ia terbukti melalui penerbitan beberapa artikel

dan jurnal sejak setahun lalu.

"Antaratajuk penyelidikan yang dijalankan Erdec termasuklah Kepentingan Pemikiran Strategik Di Kalangan Usahawan Dalam Menentukan Kejayaan Usahawan dan Penentuan Kepada Keinginan Menjadi Usahawan Dalam Kalangan Wanita Di Sabah," katanya.

Menurutnya, penubuhan Erdec adalah bagi menggantikan Unit Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (Erdu).

Peranannya selari dengan komitmen UMS yang mahu menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan warganya termasuklah kakitangan akademik dan bukan akademik serta mahasiswa.



**HARUN (kanan)** menerima cenderahati daripada Pengarah Erdec Dr Ramraini Ali Hassan selepas perasmian majlis itu.